



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 08 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• UBAH LOKASI BAZAR PUCHONG PRIMA • BANGUNKAN TAMAN KOMUNITI BAHARU

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
2.	SINAR HARIAN	• BLUE LAGOON BUKAN LOKASI REKREASI, PENCEROBOH BOLEH DIDAKWA RM10,000

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBDK	• LUNAS CUKAI TAKSIRAN SEBELUM 29 FEBRUARI • KLANG DIISYTIHAR BANDAR RAYA DIRAJA • PINTU MASUK EKONOMI, TARIK PELABUR • SARAN PROFESIONAL JADI AHLI MAJLIS
		MBPJ	• SERU AHLI MAJLIS TURUN PADANG SEGERA TANGANI ADUAN PENDUDUK
		MPAJ	• LANTIK 175 WARDEN KAWAL ALIRAN TRAFIK

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI AKHBAR DIGITAL	• BOLEH MOHON MULAI 1 MAC RUMAH KAMPUNG DIKECUALI CUKAI • BANTUAN ANAK ISTIMEWA RM2.6 JUTA • HAMPIR TIGA JUTA DAFTAR PADU • RM2,000 DIBAYAR PADA 23 FEBRUARI • SEMBILAN KEMATIAN KES DENGGI
2.	THE STAR	• TOLL-FREE TRAVEL FOR PRIVATE VEHICLES TODAY AND TOMORROW • PLUS PREPS FOR HEAVY TRAFFIC THIS FESTIVE SEASON • SPOTLIGHT ON SELANGOR NEW VILLAGES • DENGUE CASES UP BY 65% SELANGOR TOPS LIST WITH 143 HOTSPOTS, SAYS HEALTH DG
3.	SINAR HARIAN	• TOL PERCUMA DUA HARI SEMPENA TAHUN BAHARU CINA • PEMBANTU TADBIR DIREMAN DISYAKI TERIMA RASUAH • NAIK GAJI PENJAWAT AWAM ELAK TERJEBAK RASUAH – MCW
4.	KOSMO	• 2.4 JUTA KENDERAAN PENUHI LALUAN KE PANTAI TIMUR, UTARA DAN SELATAN • 2.69 JUTA RAKYAT SUDAH DAFTAR PADU
5.	HARIAN METRO	• TOL PERCUMA UNTUK 2 HARI • PENJAWAT AWAM DIREMAN EMPAT HARI MINTA RASUAH RM16,000 LULUS PECAH BAHAGIAN TANAH
6.	BERITA HARIAN	• USAHA MEMPERKUKUH NILAI RINGGIT AMBIL MASA • OP SELAMAT KE-21 SEMPENA TAHUN BAHARU CINA BERMULA • GAJI RENDAH BUKAN FAKTOR RASUAH, SALAH LAKU • 2.69 JUTA SUDAH KEMAS KINI MAKLUMAT DALAM PADU • PADU PELAN TERARAH MENOKTAH KEMISKINAN
7.	UTUSAN MALAYSIA	• 2.4 JUTA KENDERAAN DI LEBUH RAYA BERMULA HARI INI • 2.69 JUTA RAKYAT MALAYSIA SUDAH KEMAS KINI PADU • INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN MENINGKAT 1.0% • AI ANCAM PELUANG PEKERJAAN MANUSIA



BIL	AKHBAR	TAJUK
8.	NEW STRAITS TIMES	• KEEP COPS INFORMED TO CURB HOUSE BREAKS-INS • TOLL WAIVED FOR PRIVATE VEHICLES ON FEB 8,9
9.	THE SUN	• EMPOWERING MACC TO FIGHT CORRUPTION • BOOST ENGLISH PROFICIENCY FOR NATION'S GLOBAL COMPETITIVENESS • STADIUM DEMOLITION TO BE DONE BY 2025

Ubah lokasi bazar Puchong Prima

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyediakan sebanyak 25 tapak bazar Ramadan membabitkan 1,560 petak jualan pada tahun ini.

Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim memberitahu MBSJ berusaha memastikan lokasi selesai untuk 1,167 peniaga dan pengunjung sepanjang bulan mulia itu.

Beliau juga menjelaskan perubahan lokasi niaga dari Jalan Prima 5/4 ke Jalan Prima 5/1, Taman Puchong Prima bagi mengatasi isu halangan sebelum ini.

"Dengan kekuatan penguat kuasa MBSJ, kita harap semua berjalan lancar, pengunjung juga memberi kerjasama serta patuh dengan arahan," katanya dalam mesyuarat bulanan MBSJ pada 31 Januari.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Bangunkan taman komuniti baharu

SUBANG JAYA - Pembukaan Taman Komuniti Putra Heights seluas 3.07 hektar yang lengkap pelbagai kemudahan untuk masyarakat setempat dan pengunjung luar untuk beriadah.

Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim menjelaskan projek yang dibangunkan Sime Darby Property itu siap dibina pada Disember tahun lalu melibatkan kos RM3.2 juta.

"Kemudahan lengkap yang terdapat

di taman ini seiring visi Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk menjadi sebuah bandar raya mampan dan bestari," katanya.

Beliau merasmikan taman rekreasi berkenaan bersekaligus Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya edisi pertama 2024 di sini pada 4 Februari.

Taman tersebut dilengkapi kemudahan antaranya papan tanda, permainan kanak-kanak, alatan senaman warga

emas dan laluan pejalan kaki sepanjang 1,042 meter di lingkungan dalam dan luar.

Selain itu, ada tempat rehat, meja dan kerusi, dataran, arca dan padang berumput untuk aktiviti bermain layang-layang.

Ia menjadi antara taman komuniti tumpuan di Putra Heights selepas Taman Rekreasi Putra Height (linear park) dan Taman Kejiranan Putra Bestari 2, Putra Heights (taman 10,000 langkah).

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Lunas cukai taksiran sebelum 29 Februari

SHAH ALAM - Pemilik harta bawah penadbiran pihak berkuasa tempatan Klang diingatkan supaya membayar cukai taksiran bagi tahun ini selewat-lewatnya pada 29 Februari.

Menggalakkan pembayaran dalam talian, Datuk Bandar Klang Datin Paduka Noraini memaklumkan orang ramai boleh menyemak status masing-masing melalui pautan ipay.mpklang.gov.my

"Kempen pembayaran cukai taksiran turut dijalankan di pusat membeli-belah AEON Bukit Tinggi dan Bukit Raja, Klang dengan waktu operasi jam 10 pagi hingga 6 petang.

"Bagi pusat membeli-belah AEON di Bukit Tinggi, kaunter pembayaran dibuka pada 10 dan 11 Februari manakala 17, 18, 24 dan 25 Februari di AEON Bukit Raja," katanya pada 2 Februari.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Seru ahli majlis turun padang

Segera tangani aduan penduduk

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

PETALING JAYA - Datuk bandar baharu Petaling Jaya mahu bertemu masyarakat bagi mengumpul maklum balas seterusnya menyelesaikan segala isu berbangkit seberapa segera.

Mohamad Zahri Samingon menjelaskan bandar tersebut memiliki identiti tersendiri dan harus berdiri setaraf kota metropolitan lain dengan menyelesaikan aduan penduduk setempat.

Memberi contoh masalah pembua-



ngan sampah, beliau menegaskan punca sebenar isu tersebut perlu diketahui sebelum ia ditangani ahli majlis dan pegawai berkaitan dengan baik.

"Saya sendiri akan turun padang bersama ahli majlis dan ketua komuniti untuk bertemu penduduk setempat. Jika ada aduan penduduk, ini bermakna kita masih belum mencapai tahap terbaik.

"Masalah itu perlu diselesaikan dengan kerjasama semua pihak termasuk penduduk," katanya dalam majlis perakuan penerimaan jawatan sebagai datuk bandar di sini pada 6 Februari.

Beliau dilantik sebagai datuk bandar ketujuh menggantikan Mohd Azhan Md Amir yang dilantik sebagai timbalan ke-

tua setiausaha (pengurusan dan pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi.

Mohamad Zahri juga menjelaskan lebih 500 program atau projek yang dijalankan Majlis Bandaraya Petaling Jaya berdasarkan teras Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Malaysia Madani.

"Sebanyak 66 program dibuat bawah teras satu (pengukuhan ekonomi), teras dua inklusiviti sosial dan kesejahteraan (58 program), teras ketiga pemacu kelestarian (108 program) dan teras keempat tadbir urus (254 program).

"Menerusi Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030 membabitkan 10 tema, ia mencapai 87.7 peratus pada 2023 dan kita sasar capai 90 peratus pada tahun ini," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Lantik 175 warden kawal aliran trafik

AMPANG JAYA - Seramai 175 penguat kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dilantik sebagai warden trafik berkuat kuasa 1 Februari tahun lalu.

Yang dipertuanya berkata lantikan bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) bertujuan menangani isu keselamatan lalu lintas dengan lebih berkesan.

"Warden trafik akan menguat kuasa beberapa peraturan yang membolehkan tindakan penundaan kenderaan, kapit tayar serta kompaun jalan raya," kata Dr Ani Ahmad pada 6 Februari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyempurnakan pelancaran warden trafik MPAJ di Pusat Konvensyen MPAJ di sini.

Menurut Dr Ani, pelantikan itu membantu menyuraikan kesesakan trafik sehingga 20 peratus khususnya di kawasan tumpuan tinggi.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Klang diisytihar bandar raya diraja



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan meneliti Cokmar Majlis Bandaraya Diraja Klang sambil diperhatikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (kanan) dan Datuk Bandar Datin Paduka Noraini Roslan (kiri) dalam majlis perisytiharan pada 5 Februari 2024. Foto Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ▶ BERITA MUKA 2

Klang diisytihar bandar raya diraja

KLANG - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan istiadat pengisytiharan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

Baginda juga berkenan melafazkan pengisytiharan tersebut selain mengumumkan pelantikan Datin Paduka Noraini Roslan sebagai datuk bandar berkuat kuasa 23 November tahun lalu.

"Beta dengan ini mengisytiharkan dan menetapkan bahawa Majlis Perbandaran Klang bermula pada 23 November 2023 akan menjadi Bandar Raya Diraja buat selama-lamanya dan hendaklah disebut sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang," titah Baginda pada 5 Februari.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mengalungkan Noraini kalungan ras-

mi dan mengurniakan watak pengisytiharan MBDK sambil disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Pada Julai tahun lalu, kerajaan persekutuan mengumumkan Majlis Perbandaran Klang dinaik taraf kepada bandar raya, sekali gus pihak berkuasa tempatan ke-20 memperoleh status berke-

Pintu masuk ekonomi, tarik pelabur

KLANG - Klang terus berkembang menjadi pusat ekonomi utama negara berikutan pelbagai prasarana tersedia di situ sekali gus menjadikan Selangor pintu masuk ke Asia Tenggara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata daerah itu berupaya menarik pelabur ke negara ini berikutan adanya Pelabuhan Klang yang ke-12 tersibuk dunia dan kedua di Asia.

Beliau menambah Klang juga memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran, industri dan pelancongan yang mencerminkan kekayaan lokaliti di samping masyarakat berbilang budaya.

"Klang bakal miliki jaringan pengangkutan awam menghubungkannya dengan Kuala Lumpur serta kawasan pantai barat Selangor hingga Taiping (Perak) menerusi pembinaan Lebuh raya Persisiran Pantai Barat.

"Apabila bertemu pelabur tempatan dan luar negara, patik sering kali menyebut Selangor adalah pintu gerbang Asia dan pelabuhannya adalah pintu masuk ekonomi Malaysia," katanya pada 5 Februari.

Menyampaikan sembah ucapan kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor sempena perisytiharan Majlis

Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Amirudin berkata Klang juga bakal memiliki kemudahan kesihatan baharu di Kapar.

"Hospital baharu itu merupakan ilham DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj bagi mengatasi kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang dibina di kawasan seluas 50 ekar di Meru.

"Dilengkapi fasiliti moden serta canggih, hospital memuatkan 300 katil mampu menyelesaikan isu pesakit menunggu lama bagi mendapatkan rawatan. Hospital dalam proses pembinaan dan dijangka siap akhir tahun depan," katanya.

Saran profesional jadi ahli majlis

KLANG - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menyarankan ahli Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dianggotai golongan profesional, bukan hanya ahli politik semata-mata.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah sekurang-kurangnya 50 peratus ahli majlis diisi kelompok profesional pelbagai bidang bagi memastikan pem-

angunan mampan dapat dilaksanakan.

Baginda bertitah ahli majlis juga perlu menggambarkan komposisi kaum di Klang supaya semua golongan berkenaan diwakili dalam bilangan berpadanan.

"Beta mengingatkan datuk bandar, ahli majlis serta kakitangan MBDK agar sentiasa memberi perkhidmatan penuh dedikasi dan berintegriti," titah Baginda

pada 5 Februari.

Sultan Sharafuddin turut menitahkan datuk bandar dan ahli majlis supaya sering turun padang mendekati diri dan meninjau masalah rakyat seterusnya memberi perkhidmatan terbaik.

"Amal pendekatan berbincang dan bertindak segera tanpa perlu menunggu aduan," titah Baginda.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Boleh mohon mulai 1 Mac

Rumah kampung dikecuali cukai

Oleh AFEEQA AFEERA ABDUL RASOL

SHAH ALAM - Pemilik kediaman kampung yang memerlukan dan berpendapatan sederhana terus menikmati pengecualian cukai tak-siran tahun ini daripada Kerajaan Negeri.

EXCO kerajaan tempatan menjelaskan proses tersebut dimulakan dengan pihak berkuasa tempatan mengeluarkan bil secara fizikal pada akhir bulan ini bagi memastikan kelancaran kemudahan itu.

Menurut Dato' Ng Suee Lim, pemilik yang menepati syarat kelayakan boleh memohon mulai 1 Mac hingga 31 Mei



dan setiap keputusan permohonan boleh disemak mulai 1 September 2024.

"Kerajaan Negeri komited untuk terus memberikan bantuan kepada pemilik kedi aman kampung serta beberapa langkah baharu tahun ini bagi meningkatkan kemudahan.

"(Selain) kualiti fasiliti di persekitaran kampung sebagai usaha memelihara nilai dan makna kampung-kampung di Selangor," katanya dalam kenyataan 2 Februari.

Syarat kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia yang menetap di Selangor
- Pemilik berdaftar kediaman kampung di Selangor
- Keluasan rumah kampung 2,000

kaki persegi dan ke bawah

- Pendapatan bulanan isi rumah RM5,000 dan ke bawah
- Pemohon layak untuk satu akaun atau satu rumah sahaja

Beliau menambah pusat khidmat masyarakat juga bersedia membantu mempercepat dan menyempurnakan proses permohonan yang akan dibuat secara dalam talian dan fizikal.

Dalam pada itu, Suee Lim berkata hampir 100,000 pemilik kediaman kampung di seluruh negeri dibantu tahun lalu melalui pengecualian cukai tak-siran dengan kos RM11.551 juta.

"Sejak bermulanya usaha ini, seramai 745,790 unit diberikan pengecualian dengan peruntukan RM91.498 juta," katanya lagi.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Bantuan anak istimewa RM2.6 juta

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyelesaikan agihan baki 30 daripada 1,230 penerima keseluruhan bagi Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS).

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata RM2.6 juta diperuntuk tahun lalu bagi menyantuni golongan berkenaan.

"Pada asalnya peruntukan Bantu-

an Khas ANIS adalah RM1 juta tetapi Disember lalu kita menerima dana tambahan RM1.6 juta bagi memastikan lebih ramai dibantu.

"Alhamdulillah, kita selesaikan baki bantuan kepada 30 lagi penerima mengikut keperluan iaitu sama ada perubatan, pendidikan dan peralatan kesihatan," katanya pada 5 Februari.

Berharap bantuan meringankan beban penerima, Anfaal berkata pihaknya berusaha meneruskan bantuan dan sokongan kepada keluarga yang dikurniakan anak istimewa.

"Kita faham beban yang ditanggung ibu bapa yang ada anak orang kurang upaya lebih berat dan perbelanjaan untuk menampung anak ini juga agak besar."

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Hampir tiga juta daftar Padu

SHAH ALAM - Seramai 2.69 juta individu mendaftar dalam Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) di seluruh negara setakat 6 Februari, kata Ketua Perangkawan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin.

Katanya, Sarawak, Selangor, Johor, Perlis dan Kelantan merekod pendaftaran tertinggi sejak sistem bertujuan memudahkan penyaluran bantuan itu dilancarkan pada 2 Januari, lapor Bernama.

"Pendaftaran tinggi turut direkod di Johor iaitu 270,000 orang dan lebih 100,000 di Perlis, Sarawak dan Selangor juga mencatat pendaftaran tinggi," katanya pada 7 Februari.

Beliau yang meninjau proses pendaftaran di Pusat Ekonomi Digital (Pedi) di Bachok, Kelantan menambah seramai 191,078 penduduk di negeri itu selesai membuat kemas kini maklumat.

Mohd Uzir yakin sasaran tiga juta individu mendaftar Padu dicapai dalam masa terdekat berikutan 911 Pedi di seluruh negara menyediakan perkhidmatan membantu penduduk.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

RM2,000 dibayar pada 23 Februari

Insentif awal untuk penjawat awam

SHAH ALAM - Bayaran Insentif Awal RM2,000 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dibayar pada 23 Februari, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menambah RM1,000 turut disalurkan kepada semua jawatan utama sektor awam membabitkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota bersegarang, lapor Bernama.

"Bayaran insentif RM1,000 turut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen," katanya di Putrajaya pada 6 Februari.

Anwar yang juga menteri kewangan

berkata bayaran disalurkan sementara kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) siap dalam dua bulan sebelum dibawa ke Kabinet untuk dimuktamad.

"Saya tidak mahu kata ia sengaja dilengah-lengah, sudahlah 12 tahun tunggu, kita ambil laluan pantas," katanya merujuk kegagalan kerajaan sebelumnya yang tidak membuat penyelesaian itu.

Dalam pembentangan Belanjawan Madani 2024 pada 13 Oktober, beliau mengumumkan pelaksanaan penuh SSPA dibuat mulai 2025.

Anwar menjelaskan segenap lapisan rakyat dibantu termasuk peneroka yang menerima kenaikan Insentif Pengeluaran Getah kepada RM3 per kilogram

(kg) berbanding RM2.50 per kg pada 2022.

Katanya, Kadar Skim Subsidi Harga Padi pula naik daripada RM360 kepada RM500 per metrik tan tahun lalu manakala harga lantai belian padi daripada RM1,200 kepada RM1,300 per metrik tan pada 2023.

Beliau menambah Bantuan Awal Persekolahan untuk murid tahun satu hingga tingkatan lima juga mula dibayar sejak bulan lepas untuk membantu persediaan persekolahan anak-anak.

Anwar berkata peningkatan bantuan untuk rakyat dapat dibuat berikutan kejayaan mengurangkan ketirisan, pembaziran selain penyasaran subsidi elektrik dan pengapungan harga ayam.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Sembilan kematian kes denggi

SHAH ALAM - Jumlah kes demam denggi turun kepada 3,781 kes bagi tempoh 21 hingga 27 Januari berbanding 3,971 pada minggu sebelumnya, kata ketua pengarah kesihatan.

Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan menjelaskan sembilan kematian berlaku akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding empat bagi tempoh sama pada 2023.

Beliau dalam kenyataan pada 5 Februari juga menjelaskan bilangan lokaliti titik panas adalah 148 lokaliti berbanding 127 pada minggu sebelumnya, lapor Bernama.

Katanya, sebanyak 124 dikesan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (14), Negeri Sembilan (lima), Perak (tiga) manakala masing-masing satu lokaliti di Pulau Pinang dan Sabah.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 08 FEBRUARI 2024

Blue lagoon bukan lokasi rekreasi, penceroboh boleh didakwa RM10,000

Oleh NORAFIZA JAAFAR [Follow](#) 07 Februari 2024 02:21pm Masa membaca: 4 minit



Blue lagoon Hutan Simpan Ayer Hitam, Taman Wawasan Puchong diceroboh bagi tujuan rekreasi.

PUCHONG - Blue lagoon di Hutan Simpan Ayer Hitam, Taman Wawasan Puchong di sini dimiliki Universiti Putra Malaysia (UPM) dan digunakan untuk tujuan penyelidikan serta tidak dibuka sebagai lokasi rekreasi.

Bekas Ahli Parlimen Kangar, Noor Amin Ahmad berkata, kawasan itu dahulunya hanya untuk aktiviti menyusuri hutan (jungle trekking) dan kini telah merebak ke aktiviti riadah lain termasuk terdapatnya trek motocross.

Menurutnya, penguatkuasaan lebih tegas perlu dilakukan untuk tujuan kawalan susulan status kawasan itu sebagai hutan simpan dan pernah berlaku kematian susulan bahagian kolam 'blue lagoon' yang dalam.

"Semasa bekerja di Pejabat Menteri Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, saya beri cadangan agar UPM menghadap dan mohon izin Tuanku Sultan Selangor untuk lanjutkan pajakan dan naik taraf Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong ini.

"Rentetan itu ia kini juga dikenali sebagai Sultan Idris Shah Forestry Education Centre (SISFEC).

"Namun kini khabarnya banyak kegiatan pencerobohan berlaku. Dulu hanya untuk trekking, kini trek motorcross pun ada," katanya menerusi perkongsian di aplikasi X.

Blue lagoon bukan lokasi rekreasi, penceroboh boleh didakwa RM10,000

Oleh NORAFIZA JAAFAR [Follow](#) 07 Februari 2024 02:21pm Masa membaca: 4 minit



Noor Amin dan Sze Han.

Perkongsian tersebut susulan perkongsian seorang warga UPM, Qayyum Raub yang meluahkan kebimbangan mengenai pencerobohan di lokasi berkenaan.

"Tak selamat dah blue lagoon kami. Punya besar papan tanda 'no entry', ada juga yang menceroboh.

"Siapa yang menceroboh boleh kena denda RM10,000.

"Tolonglah kesian dekat kami yang nak buat kajian dekat sekitar situ," luahnya menerusi aplikasi X.

Susulan pendedahan itu, rata-rata pengguna media sosial memohon pihak berkuasa mengambil tindakan bagi memelihara sumber alam semula jadi itu daripada tercemar kesan aktiviti rekreasi tanpa kebenaran.

Seorang pengguna media sosial, Nawraa Yusoff berkata, pencerobohan itu berlaku susulan sikap segelintir masyarakat yang gemar menularkan lokasi unik di media sosial menarik orang ramai berpusu-pusu ke sana hingga mencemarkan alam.

Komen pengguna Foot Long pula berkata, tapak kajian itu memerlukan masa antara 30 hingga 50 tahun untuk kembali kepada asal dan berharap penceroboh dikenakan tindakan.

Ahmad Basyir Abd pula mencadangkan, pelaku didenda dan didakwa, kemudian hebahkan tindakan penguatkuasaan tersebut ke platform media sosial sebagai pengajaran kepada umum untuk tidak melakukan kesalahan sama.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kinrara, Ng Sze Han berkata, pihaknya telah meminta Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) membuat tindakan susulan agar pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan segera.

"Kawasan ini memang kawasan larangan dan komuniti pendaki di sana telah banyak kali diberi amaran untuk tidak ceroboh ke kawasan hutan simpan.

"Hutan simpan digezetkan supaya ia terpelihara. Jika kerap diceroboh akan mengganggu persekitaran hutan simpan. Ia tidak lestari," katanya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 08 FEBRUARI 2024

Toll-free travel for private vehicles today and tomorrow

THE STAR
8/2

PETALING JAYA: Road users with private vehicles will enjoy toll-free travel on highways today and tomorrow in conjunction with Chinese New Year, says Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

The Works Minister said the Cabinet had decided that toll-free travel for Class 1 (private vehicles) will be implemented on all

highways from 12.01am today until 11.59pm tomorrow.

The waiver will be applicable at all toll plazas except for the Bangunan Sultan Iskandar and Tanjung Kupang toll plazas in Johor.

The two days of toll-free travel will have an estimated financial implication of RM42.99mil, he said in a statement yesterday.

"The decision to allow toll-free travel is in line with the unity government's aspirations to care for the people's welfare and help alleviate the cost of living," he said.

It is also the government's way of joining in the upcoming Chinese New Year celebrations, he added.

"It is hoped that road users will use this opportunity to plan their

travel. They are also advised to adhere to the travel time advisory," he said.

He also advised travellers to observe road safety at all times to reach their respective destinations safely and celebrate with their loved ones.

Nanta also reminded travellers to ensure that they have enough balance in their Touch 'n Go cards

and ewallets before heading out.

For updates on traffic status or any incidents, road users planning to embark on their journey can visit the Malaysian Highway Authority's social media channels.

Alternatively, travellers can also call the Traffic Management Centre at 1800 88 7752 for information or aid.

THE STAR

08 FEB 2024

Tarikh:.....

PLUS preps for heavy traffic this festive season

THE STAR
8/2

By CHARLES RAMENDRAN
charles.ramen@thestar.com

PETALING JAYA: In anticipation of heavy traffic on its highway during Chinese New Year, PLUS Malaysia Bhd will implement four strategies to manage the daily movement of over two million vehicles during the period.

Its chief operating officer Datuk Zakaria Ahmad Zabidi said the strategies will focus on user comfort, traffic management, traffic distribution, and efficient communication.

He said it is the highway concessionaire's priority to effectively manage congestion at toll plazas and the highway to ensure motorists experience a comfortable journey during the festive season.

Zakaria said PLUS will deploy 450 personnel to patrol the highway around the clock and provide assistance to highway users.

He said 1,500 staffers will be stationed at its toll plazas to ensure all 1,075 toll lanes are fully operational at all times.

He said 2,100 maintenance staffers will be assigned to upkeep cleanliness at all rest areas and additional toilets will also be provided at 21 selected locations.

Zakaria said to ensure efficient traffic management and incident handling during the period, there will be no closures of highway lanes between Feb 5 and Feb 16.

However, he said lane closures may be carried out in the event of accidents, emergencies or urgent roadworks.

"PLUS has also introduced MyPLUS-TTA, a digital journey scheduling approach specifically for festive seasons.

"MyPLUS-TTA enables PLUS to distribute traffic and prevent vehicles from converging at specific locations simultaneously.

"To access the MyPLUS-TTA schedule, users can download the PLUS app and register their journeys if they plan to travel between Feb 8 and Feb 13."

Zakaria said traffic updates and other related information for PLUS highway travellers will be provided at electronic message board displays at strategic locations, the PLUS App, X@PLUSTrafik, social media, and via the mainstream media.

Highway users can also contact the PLUSLine via 1800-88-0000 or through the Putri Chatbot via 019-356 9802, on WhatsApp or the PLUS App for assistance.

Meanwhile, road users with private vehicles will enjoy toll-free travel on highways today and tomorrow, said Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said the Cabinet had decided that toll-free travel for Class 1 (private vehicles) will be implemented on all highways from 12.01am on Feb 8 until 11.59pm on Feb 9.

The waiver will be applicable at all toll plazas except for the Bangunan Sultan Iskandar (BSI) and Tanjung Kupang toll plazas in Johor.

THE STAR

08 FEB 2024

Tarikh:.....

Spotlight on Selangor new villages

By FARID WAHAB and GLODIE LAI
metro@thestar.com.my

CNY festival showcases Chinese culture and wares

A FESTIVE bazaar in conjunction of Chinese New Year brought together entrepreneurs from over 77 Chinese new villages from across nine districts in Selangor.

Some 100 stalls took part in the four-day bazaar at Pavilion Bukit Jalil shopping centre in Kuala Lumpur.

It featured stalls selling traditional wear, food and beverages, arts and crafts as well as decorative items.

The Balik Kampung CNY Fest 2024 was attended by various Chinese communities like the Hainan, Teochew and Hokkien to showcase their culture and traditions.

Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming, who launched the bazaar on Feb 1, congratulated the Selangor government for organising it.

"It is a testament to the state



government's commitment towards cultivating the spirit of togetherness among Malaysians, in line with the Madani values.

"Our differences, such as race, culture and religion should not divide us but instead strengthen our unity," he said.

State investment, trade and mobility committee chairman Ng Sze Han said the scale of the bazaar had doubled this year compared to 2023.

"We target RM2mil in sales," he said, adding that the event

was aimed at helping entrepreneurs gain a footing in business.

State local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suee Lim hoped the Balik Kampung CNY Fest 2024 would promote the unique heritage of these new villages.

"We also hope to attract tourists, foreign and local, to learn about the various cultures and customs here," he added.

At the fest, eight booths were set up to allow visitors to learn about Chinese dialects, folklore and traditional customs.

They included the Cantonese's Da Siu Yan (villain hitting ritual), Hokkien's Bai Tian Gong (praying to the Jade Emperor) and Hakka's Bu Tian Chuan (mending the sky).

Activities such as lion dances, 24 festive drum performances and a stage play enlivened the atmosphere.



(From left) Selangor Speaker Lau Weng San, Nga, Chinese Embassy in Malaysia minister Zheng Xuefang, Ng and Pavilion Real Estate Investment Trust independent non-executive director Datuk Choo Chuo Siong at the launch of the bazaar.



A little boy taking part in the Cantonese practice of villain hitting during the bazaar.



Stalls at the Balik Kampung CNY Fest 2024 in Pavilion Bukit Jalil shopping centre, Kuala Lumpur. — Photos: LOW LAY PHON/The Star

THE STAR

08 FEB 2024

Tarikh:.....

Dengue cases up by 65%

Selangor tops list with 143 hotspots, says health DG

By ARFA YUNUS
arfa.yunus@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of dengue cases in the country this year is rising on a sharper trajectory compared to the same period last year, based on data from the Health Ministry.

Its director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said 18,247 cases were recorded during the first five weeks of 2024, up 65.6% compared to the 11,127 cases in the same period last year.

In terms of deaths, nine were reported this year compared to six in the same period last year, he said.

At the moment, there are 180 hotspots, with 143 of them in Selangor, 20 in Kuala Lumpur and Putrajaya, seven in Negri Sembilan, four in Perak, three in Penang, and one each in Pahang, Sabah and Sarawak.

"During the fifth week of 2024, the total number of dengue cases is 3,969, compared to 3,781 in the previous week. No dengue deaths were reported during the fifth week," he said.

"For chikungunya surveillance, one case was recorded during the fifth week, bringing the cumulative cases to three. No chikungunya outbreaks were reported."

At the same time, Dr Radzi said



Fogging in progress: The public is advised to take self-prevention measures especially during the current weather.

the upcoming festive seasons and school holidays could facilitate the spread of dengue, a viral disease spread through the bites of the Aedes mosquito.

"Before leaving home, make sure there are no containers that can hold water in the house, close all containers that store water tightly, and use insecticides."

"Take self-prevention measures, especially if you are in a risk area, such as wearing light-coloured clothes, using mosquito repellent

and covering exposed limbs, especially when you are outside during the peak of Aedes mosquito bites, between 5am and 8am, and from 5pm to 8pm."

"Before entering the house after returning from vacation, use an aerosol insecticide spray all over the house to kill the adult mosquitoes that are hiding," he said yesterday.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar reminded everyone to do their respective

parts so that the predicted spike in dengue cases could be lessened.

He said that with the upcoming hot season and sporadic rain, chances for breeding are high as mosquitoes are more active during hot weather, while water ponding or retention increases potential breeding grounds.

"The public should know, be aware and take preventive action to avoid the infection, and seek early treatment," he said when contacted.

To better manage dengue, he said mosquito breeding places must be reduced so that there will be fewer adult mosquitoes in the surroundings.

"Get early treatment if you have a fever and avoid unnecessary exposure in hot areas," he added.

Yesterday, *The Star* reported that padi farmers in Kedah were told to prepare for the worst as there could be a drought, which would affect rice fields' irrigation system.

Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) director-general Muhammad Helmi Abdullah said the current hot and dry spell, especially in the northern parts of the peninsula, is due to the La Nina phenomenon, which is predicted for February and March.

THE STAR

08 FEB 2024

Tarikh:.....

Tol percuma dua hari sempena Tahun Baharu Cina

Pengecualian tol di semua
plaza tol kecuali Plaza Tol
BSI dan Plaza Tol
Tanjung Kupang, Johor

KUALA LUMPUR

Pengguna lebuhraya membabitkan kenderaan persendirian (Kelas 1) diberi kemudahan tol percuma selama dua hari bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pengecualian tol yang bermula pada jam 12.01 tengah malam 8 Februari hingga jam 11.59 malam 9 Februari itu diberikan di semua plaza tol kecuali di sempadan negara iaitu Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Johor.

"Tol percuma oleh kerajaan ini adalah sebagai tanda prihatin dan sama-sama ingin berkongsi kegembiraan bersama rakyat Malaysia yang menyambut perayaan Tahun Baharu Cina kali ini.



"Pendekatan pemberian tol percuma ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan yang menitikberatkan soal kebajikan rakyat dan sentiasa membantu meringankan kos sara hidup rakyat," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, perkara itu dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu dan implikasi kewangan bagi pemberian tol percuma itu dianggarkan berjumlah RM42.99 juta.

Dengan pengecualian bayaran tol itu, Alexander berkata, pengguna lebuhraya di harap dapat merancang perjalanan

serta mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan (TTA) yang disyorkan dalam tempoh berkenaan.

"Aspek keselamatan serta pemanduan selamat perlulah dipatuhi supaya semua pengguna lebuhraya dapat sampai ke destinasi dengan selamat dan sambutan perayaan Tahun Baharu Cina ini akan menjadi lebih bermakna bersama keluarga tercinta.

"Pengguna juga dinasihatkan untuk mendapatkan rehat secukupnya dan memastikan baki kad Touch 'n Go serta eWallet adalah mencukupi," katanya. - Bernama

84
8/2
Pengguna lebuhraya di harap dapat merancang perjalanan serta mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan (TTA) yang disyorkan dalam tempoh berkenaan.

SINAR HARIAN
6 8 FEB 2024....
Tarikh:

Pembantu tadbir direman disyaki terima rasuah

84 812

KUALA SELANGOR - Seorang pembantu tadbir sebuah Pejabat Tanah dan Daerah di negeri ini direman empat hari selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM16,000 bagi kelulusan pecah bahagian tanah, dua tahun lalu.

Tempoh reman terhadap wanita berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan Majistret Siti Hajar Ali di Mahkamah Majistret Kuala Selangor dekat sini, pada Rabu.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, suspek dipercayai meminta dan menerima wang rasuah daripada tiga pemilik tanah yang mahu memohon kelulusan pecah bahagian tanah.

"Siasatan awal mendapati wanita itu

meminta dan menerima wang rasuah yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi miliknya pada 2022," katanya.

Sumber itu memberitahu, suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Selangor kira-kira jam 2 petang Selasa.

Suspek diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jeanne Francis.

Siti Hajar membenarkan reman terhadap wanita itu sehingga Sabtu ini selepas selesai membantu siasatan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.



Pembantu tadbir Pejabat Tanah dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Selangor bagi permohonan reman pagi Rabu.

SINAR HARIAN
08 FEB 2024

Tarikh:

8# 8/2

Naik gaji penjawat awam elak terjebak rasuah – MCW

SHAH ALAM- Gaji penjawat awam termasuk anggota polis perlu dinaikkan bagi memenuhi keperluan asas hidup masyarakat sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan pada rasuah.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, individu yang berdepan dengan tekanan kewangan mungkin terpaksa membuat pilihan termasuk menerima rasuah atau berhutang bagi memenuhi keperluan keluarga.

Menurut beliau, terdapat perhubungan yang tinggi antara faktor rasuah dan kos sara hidup.

"Ia menunjukkan bahawa masalah

rasuah sering kali berkait rapat dengan tekanan kewangan dan ketidakseimbangan ekonomi dalam masyarakat.

"Oleh itu, komitmen terhadap peningkatan gaji penting dalam memastikan anggota polis dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat sambil memelihara integriti dan profesionalisme," katanya.

Baru-baru ini, tular satu video di YouTube *THREAD the globe* yang memaparkan seorang anggota polis trafik menawarkan 'diskaun' saman daripada RM300 menjadi RM100, jika dibayar terus kepadanya iaitu tanpa dibayar di balai polis.

Anggota polis berkenaan mendakwa

pasangan berkenaan memandu melebihi had laju iaitu 80 kilometer sejam berbanding had laju yang dibenarkan iaitu 60 kilometer.

Tambah Jais, perlakuan anggota yang dirakam video mengambil rasuah itu benar-benar menjejaskan maruah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Memahami akar masalah dan menyediakan penyelesaian holistik adalah penting dalam usaha memerangi rasuah dan memupuk integriti.

"Dengan kritikan membina, MCW boleh memainkan peranan dalam menggerakkan perubahan positif dalam sistem sosioekonomi dan perundangan," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 08 FEB 2024

2.4 juta kenderaan penuhi laluan ke Pantai Timur, utara dan selatan

2 hari tol percuma di semua lebuh raya

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

PETALING JAYA – Pengguna lebuh raya seluruh negara akan menikmati tol percuma selama dua hari sempena sambutan Tahun Baharu Cina minggu ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pemberian tol percuma itu bermula pukul 12.01 tengah malam tadi sehingga pukul 11.59 malam esok (Khamis dan Jumaat) melibatkan kenderaan Kelas 1 atau persendirian sahaja.

Namun katanya, pengecualian itu tidak termasuk tol di sempadan negara iaitu Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (Tambak Johor) dan Tanjung Kupang (Lebuh Raya Linkedua) di Johor.

"Pendekatan pemberian tol percuma ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan yang menitikberatkan soal kebajikan rakyat dan sentiasa membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

"Tol percuma oleh kerajaan ini adalah sebagai tanda prihatin



PEMBERIAN tol percuma selama dua hari bermula hari ini sehingga esok adalah melibatkan kenderaan persendirian sahaja. – GAMBAR HIASAN

dan sama-sama ingin berkongsi kegembiraan bersama rakyat Malaysia yang menyambut Tahun

Baru Cina kali ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, inisiatif itu akan

membabitkan implikasi kewangan RM42.99 juta.

Beliau berkata, dengan pelak-

sanaan pemberian tol percuma ini diharapkan pengguna lebuh raya dapat memanfaatkan peluang itu dengan sebaiknya dan merancang perjalanan.

Katanya, pengguna juga dinasihatkan mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory* (TTA) yang disyorkan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Ir. Sazali Harun berkata, dijangkakan sebanyak 2.4 juta kenderaan sehari akan menggunakan lebuh raya pada hari-hari puncak bermula hari ini.

"Sebanyak 1.5 juta kenderaan akan menggunakan Lebuh Raya Utara-Selatan, manakala masing-masing 199,000, 106,000 dan 61,000 kenderaan dijangka melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 1 dan LPT Fasa 2.

"LLM menjangkakan berlaku peningkatan jumlah trafik yang menggunakan lebuh raya menuju ke Pantai Timur, utara dan selatan seawal hari Khamis (pagi ini)," katanya.

KOSMO

Tarikh: 08 FEB 2024

2.69 juta rakyat sudah daftar Padu

KOSMO
8/2

BACHOK – Seramai 2.69 juta rakyat telah mengemas kini maklumat dan mendaftar dalam Pangkalan Data Utama (Padu) sejak ia diperkenalkan pada 1 Januari lalu sehingga kelmarin.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pihaknya yakin hasrat kerajaan untuk melihat seluruh rakyat mendaftar Padu akan menjadi kenyataan sebelum tarikh akhir pada 31 Mac ini.

Menurutnya, Padu sudah mempunyai 30 juta senarai nama dan maklumat rakyat yang dikumpulkan daripada pelbagai agensi, namun memerlukan pengesahan dan kemas kini semula maklumat.

"Aspek keselamatan data adalah fokus utama kerajaan

dan rakyat tidak perlu risau mengenai perkara itu.

"Mereka hanya perlu kemas kini maklumat seperti status perkahwinan, dan pekerjaan semasa supaya kita dapat informasi terkini yang tepat," katanya ketika melawat Pusat Ekonomi Digital (Pedi) Mahligai, di sini semalam.

Mengulas keluhan Orang Asli mengenai pendaftaran Padu, Mohd. Uzir memberitahu, pihaknya akan menyediakan pasukan khas di semua pos penempatan Orang Asli bagi membantu mereka.

"Kita juga akan turun ke pusat penjagaan warga emas selain bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat, negeri termasuk pejabat wakil rakyat," ujarnya.



MOHD. UZIR (kanan) memberi penerangan mengenai cara mendaftar Padu kepada pengunjung di Pedi Mahligai, Bachok semalam.

KOSMO

Tarikh: **08 FEB 2024**



PENGECUALIAN tol bermula jam 12.01 tengah malam 8 Februari hingga 11.59 malam 9 Februari.

Tol percuma untuk 2 hari

*Insentif khas untuk kenderaan persendirian
sempena sambutan Tahun Baharu Cina*

Kuala Lumpur

Pengguna lebuh raya membolehkan kenderaan persendirian (Kelas 1) diberi kemudahan tol percuma selama dua hari sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pengecualian tol bermula jam 12.01 tengah malam 8 Februari hingga 11.59 malam 9 Februari itu diberikan di semua plaza tol kecuali di sempadan negara iaitu Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Johor.

"Tol percuma ini sebagai tanda prihatin dan berkongsi kegembiraan bersama rakyat Malaysia

yang menyambut Tahun Baharu Cina kali ini.

"Pendekatan pemberian tol percuma selaras aspirasi Kerajaan Perpaduan yang menitikberatkan soal kebajikan dan sentiasa membantu meringankan kos sara hidup rakyat" katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, perkara itu dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri semalam dan implikasi kewangan bagi pemberian tol percuma itu dianggarkan RM42.99 juta.

Dengan pengecualian bayaran tol itu, Nanta berkata pengguna lebuh raya diharap merancang perjalanan serta mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan (TTA) yang disyorkan dalam tempoh berkenaan.

"Aspek keselamatan serta pemanduan selamat perlu dipatuhi supaya semua pengguna lebuh raya sampai ke destinasi dengan selamat dan sambutan Tahun Baharu Cina ini menjadi lebih bermakna bersama keluarga tercinta.

"Pengguna dinasihatkan mendapatkan rehat secukupnya dan memastikan baki kad Touch 'n Go serta eWallet mencukupi," katanya.

Pengguna lebuh raya disyorkan menyemak status terkini trafik atau insiden di lebuh raya melalui laman media sosial rasmi Facebook Lembaga Lebuhraya Malaysia atau aplikasi X @LLMtrafik, atau menghubungi talian Pusat Pengurusan Trafik LLM 1-800-88-7752.

HARIAN METRO
08 FEB 2024
Tarikh:



SUSPEK wanita berusia lingkungan 40-an ditahan pada jam 2 petang kelmarin.

PENJAWAT AWAM DIREMAN EMPAT HARI

Minta rasuah RM16,000 lulus pecah bahagian tanah

Kuala Lumpur: Seorang penjawat awam direman bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM16,000 untuk kelulusan pecah bahagian tanah di sebuah Pejabat Daerah dan Tanah di negeri itu.

Perintah reman selama empat hari bermula semalam hingga 10 Februari ini dikeluarkan oleh Majistret Siti Hajar Ali selepas pihak SPRM membuat permoho-

nan itu di Mahkamah Majistret Kuala Selangor pagi semalam.

Wanita itu diwakili peguam Jeanne Francis dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

Sumber berkata, suspek wanita berusia lingkungan 40-an berkenaan dipercayai ditahan pada 2 petang kelmarin di pejabat SPRM Kuala Selangor ketika diminta hadir memberi keterangan.

"Suspek dipercayai meminta dan menerima wang rasuah daripada tiga pe-

milik tanah di sekitar daerah itu yang ingin permohonan kelulusan pecah bahagian tanah.

"Siasatan awal mendapati suspek meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM16,000 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi miliknya pada 2022," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO

Tarikh: ...0.8...FEB...2024..

Usaha memperkukuh nilai ringgit ambil masa

Banyak usaha dilaksanakan kerajaan untuk menyokong ringgit tetapi ia mengambil masa untuk melihat hasilnya, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, penstrukturan semula ekonomi, pengukuhan fiskal dan mengurangkan hutang adalah usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi bagi menarik kemasukan dan meningkatkan keyakinan pelabur ke negara ini, sekali gus akan menyokong prestasi mata wang tempatan itu.

Katanya, usaha menstruktur semula ekonomi, mengukuhkan fiskal dan mengurangkan hutang adalah tanggungjawab kerajaan yang

akan dilihat boleh meyakinkan pelabur dan pedagang terhadap ekonomi negara.

"Bila mereka (pelabur dan pedagang) lebih yakin bahawa

keadaan lebih kukuh berbanding sebelum ini. Keyakinan itulah yang akan membawa masuk balik pelaburan portfolio kewangan dan (dengan) eksport lebih baik, itu juga akan meningkatkan ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas usaha yang dilakukan kerajaan untuk menaikkan nilai ringgit dalam Episod 3 Podcast Yang Bakar Menteri (YBM) yang disiarkan di platform media sosialnya.

Rafizi berkata, terdapat faktor luaran yang mempengaruhi prestasi ringgit dalam jangka pendek iaitu ketidaktentuan di Amerika Syarikat (AS) dan China.

Beliau berkata, di AS, kadar faedahnya lebih tinggi berbanding di negara ini, sekali gus keadaan itu mempengaruhi aliran wang untuk masuk ke ekonomi terbesar dunia itu.

Manakala di China pula, jelasnya, ekonomi kedua terbesar dunia itu pula sedang melalui fasa ekonomi berkembang perlahan daripada dijangkakan iaitu empat hingga lima peratus berbanding lapan hingga sembilan peratus sebelum ini.

Justeru, katanya, keadaan itu memberi kesan kepada mata wang tempatan dan ia adalah di luar kawalan kerajaan.

"Kesan atau pengaruh jangka pendek (yang mempengaruhi nilai ringgit) semua orang sudah

tahu adalah akibat ketidaktentuan yang berlaku di dua ekonomi utama dunia iaitu AS dan China yang ada kesan besar kepada kita.

"Kita juga ada masalah jangka panjang. Ekonomi kita terbantut dalam perangkap pendapatan pertengahan. Nilai ekonomi yang dijana tidak boleh dinaikkan daripada (paras) itu.

"Kita kena bersabar dan tunggu kepada menstruktur ekonomi kita supaya tiga hingga empat tahun akan datang industri dan syarikat yang boleh menawarkan potensi pulangan lebih baik dan ini akan menarik minat ke Malaysia. Lagi banyak menarik minat ke Malaysia, maka lebih banyak wang masuk dan ringgit akan naik," katanya.



BERITA HARIAN
Tarikh..... 08 FEB 2024

Op Selamat ke-21 sempena Tahun Baharu Cina bermula

PDRM tingkat pengawasan di 54 lokasi di lebuh raya

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Petaling Jaya: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meningkatkan pengawasan di 18 lokasi panas atau 'hotspot' dan 46 lokasi 'black spot' atau titik hitam di

lebuhraya seluruh negara menerusi Op Selamat ke-21 sempena Tahun Baharu Cina, bermula hari ini.

'Hotspot' merujuk kepada kawasan yang kerap berlaku kesesakan lalu lintas, manakala 'blackspot' ialah lokasi yang kerap berlaku kemalangan.

Seramai 6,559 pegawai dan anggota ditugaskan dalam Op Selamat ke-21 bermula hari ini hingga 13 Februari di seluruh negara, selain mengenal pasti 407 lokasi 'hotspot' dan 76 'blackspot' di negeri serta daerah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri

Razarudin Husain, berkata pihaknya akan melaksanakan penguatkuasaan dan perkhidmatan penuh sepanjang penguatkuasaan operasi berkenaan.

"Kita melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan lalu lintas dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

"Turut menjadi tumpuan ialah pencegahan kes jenayah harta benda dan kediaman yang ditinggalkan orang ramai sepanjang tempoh musim perayaan itu dengan mengisi borang menerusi aplikasi Volunteer Smartphone Petrol (VSP)

2.0," katanya di sini, semalam.

Razarudin berkata, pihaknya menjangka pertambahan jumlah kenderaan di jalan raya bermula hari ini kerana orang ramai mengambil kesempatan pulang ke kampung sempena cuti perayaan dan cuti sekolah.

"Kita menyediakan anggota dan pegawai secukupnya untuk ditempatkan di lapangan bagi melancarkan aliran trafik.

2.4 juta kenderaan sehari

Razruddin berkata, cuti bagi anggota dan pegawai yang terabit dalam operasi itu dibekukan bagi memberi tumpuan terha-

dap Op Selamat ke-21.

Sementara itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menjangka sebanyak 2.4 juta kenderaan sehari akan menggunakan lebuh raya sempena cuti Tahun Baharu Cina.

LLM dalam kenyataan berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1.5 juta kenderaan akan menggunakan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS).

Selain itu, katanya, sebanyak 199,000 kenderaan dijangka menggunakan Lebuh Raya KL-Karak; Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1 (106,000) dan Pantai Timur Fasa 2 (61,000).

BERITA HARIAN
Tarikh.....0.8.FEB.2024.....

Gaji rendah bukan faktor rasuah, salah laku

Kuala Lumpur: Isu gaji rendah anggota polis khususnya kategori lain-lain pangkat (LLP) bukan faktor mendorong kepada berlakunya salah laku, terutama perbuatan rasuah yang hanya membabitkan segelintir daripada mereka.

Namun kerajaan diharap tidak memandang sepi keluhan golongan terbabit yang masih mengharapkan ada perubahan pada tangga gaji mereka kerana paras minimum anggota LLP ketika ini sangat tidak setimpal dengan keperluan ekonomi semasa.

Mengulas perkara itu, Presiden Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia (PPRPD), Sub Inspektor Abd Rashid Ali, berkata gaji pokok seorang konstabel bermula dari RM1,441 sebulan.

Katanya, walaupun menerima elaun sekitar RM600 hingga RM700, namun kadar itu tidak tetap dan berbeza mengikut kawasan penugasan.

"Sedangkan, kami ada keluarga yang perlu disara. Selain perbelanjaan diri sendiri dan ke-

uarga, ada yang perlu menanggung kedua-dua orang tua. Dari mana mahu dapat duit untuk menyara semua itu?"

"Anak pula perlu dihantar ke taska dan sekolah, jika ada anak dua tiga orang, berapa dah kami perlu keluaran belanja? Ini tidak termasuk perbelanjaan pendidikan tinggi anak-anak," katanya kepada BH semalam.

Abd Rashid berkata, Skim Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ada tiga skim iaitu Skim Perkhidmatan Konstabel dengan gaji permulaan RM1,441; Skim Perkhidmatan Konstabel Orang Asli (RM1,334) dan Skim Perkhidmatan Konstabel Sokongan (RM1,220).

"Ketika ini gaji skim perkhidmatan Orang Asli dan Sokongan lebih rendah daripada RM1,441. Sekiranya gaji skim perkhidmatan konstabel ditingkatkan kepada RM1,500; gaji skim Orang

Asli dan Sokongan kelak akan menjadi lebih rendah lagi.

"Berikutan gaji yang rendah, ramai anggota pangkat rendah cuba meminimumkan kos sara

hidup dengan meminimumkan kualiti kehidupan mereka bersama keluarga.

"Sebagai contoh kebanyakan anggota berkhidmat di Bukit Aman terpaksa menetap jauh dari ibu kota seperti di Nilai dan Seremban kerana sewa rumah yang lebih rendah tetapi mengharungi kehidupan 'Pergi kerja gelap, balik kerja pun gelap'.

"Di Bukit Aman, masih ada lagi keluarga pegawai rendah polis tinggal di berek dua bilik dengan satu bilik air yang usang sebab tidak mampu menyewa perumahan yang lebih baik kerana mahal," katanya.

Susulan itu, pihaknya menyarankan supaya Skim Perkhidmatan PDRM dijadikan sebagai

'Special Service' supaya kadar gaji dan pencen tidak mengikut formula kiraan penjawat awam yang biasa.

"Ia perlu diletakkan di bawah sebuah skim perkhidmatan khas kerana pasukan penguatkuasaan adalah satu perkhidmatan yang melibatkan nyawa.

"Persatuan juga menyarankan kerajaan untuk melihat kebajikan anggota polis, antaranya kemudahan prasarana tempat kerja, kuarters yang mencukupi, menyediakan insurans nyawa dan menubuhkan Yayasan PDRM.

"Contohnya, menyediakan bantuan pelajaran kepada anak-anak warga PDRM khasnya dalam kalangan pegawai rendah," katanya.

Calar imej PDRM

Mengenai isu salah laku, Abd Rashid berkata, isu gaji rendah yang dikaitkan dengan berlakunya perbuatan rasuah adalah kurang tepat.

"Ini lebih kepada integriti individu itu sendiri bergantung pada keimanan, didikan agama,

integriti nilai-nilai murni dan ia lebih kepada sifat ingin hidup mewah, selain pengaruh persekitaran serta rakan rakan.

"Hanya segelintir dari keseluruhan 137,000 pegawai kanan serta rendah polis yang terlibat. Inilah individu yang mencalar imej dalam pasukan PDRM," katanya.

Bagi menangani masalah ini, katanya PPRPD sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dalam memberi nasihat serta taklimat keseluruhan kontinjen, brigid dan formasi berkaitan bahaya serta kesan salah laku rasuah di mata masyarakat.

Dalam pada itu, katanya PDRM perlu melihat dan memastikan mereka mereka yang ingin menyertai pasukan polis, perlu ada nilai-nilai murni.

"Memang bukan perkara mudah melatih mereka orang awam menjadi seperti 'malaikat' dalam tempoh singkat. Banyak halangan dan rintangan perlu dilalui dan hasilnya terserah pada individu berkenaan," katanya.



Abd Rashid Ali

BERITA HARIAN
08 FEB 2024
Tarikh.....

2.69 juta sudah kemas kini maklumat dalam PADU

Bachok: Seramai 2.69 juta rakyat negara ini sudah membuat kemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) setakat semalam, sejak ia dilancarkan pada 2 Januari lalu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata daripada jumlah itu, seramai 191,078 penduduk di Kelantan sudah mengemaskinikan maklumat dalam sistem itu.

Katanya, sistem PADU mempunyai 30 juta nama penduduk dan perlu membuat pengesahan serta kemas kini maklumat

masing-masing sehingga 31 Mac ini.

"Kita ada rekod dalam pelbagai tempat, rakyat hanya perlu kemas kini maklumat seperti status perkahwinan, pekerjaan supaya kita dapat data yang tepat.

"Kita juga tubuhkan pasukan khas bagi membantu warga emas, orang asli, penduduk di pedalaman serta penghuni rumah orang tua untuk membuat kemas kini maklumat masing-masing," katanya kepada pemberita selepas program lawatan di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Mahli-

gai di sini, semalam.

Mohd Uzir berkata, sebanyak 911 PEDI seluruh negara turut menyediakan perkhidmatan membantu penduduk membuat kemas kini dalam sistem PADU.

Katanya, kerjasama turut dilakukan bersama agensi kerajaan dan negeri, 28 ibu pejabat DOSM dan pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Rakyat mulai meyakini sistem PADU berbanding awal pelaksanaan apabila ramai mempersoal beberapa isu seperti kawalan data peribadi dan manfaat sistem ini," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 08 FEB 2024

PADU pelan terarah menoktah kemiskinan

Oleh Dr Mohd Khairi Ismail dan
Prof Emeritus Dr Chamhuri Siwar
bhrencana@bh.com.my



Mohd Khairi adalah
Felo Bersekutu,
manakala Chamhuri
Profesor Adjung
di Pusat Pengajian
Pembangunan
Ungku Aziz,
Universiti Malaya

Pada hari ini, usaha membasmi kemiskinan masih diteruskan kerajaan dalam memastikan semua pihak mencapai kesejahteraan hidup. Menurut sistem pangkalan data Sistem eKasih, 324,764 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin direkodkan sehingga 31 Oktober 2023.

Data berkenaan diguna pakai kerajaan dalam usaha menoktahkan kemiskinan. Usaha membasmi kemiskinan ini juga turut dikaitkan dengan isu ketirisan menyebabkan golongan sasar tidak mendapat manfaat sepatutnya kerana subsidi tidak sampai kepada mereka.

Selain itu, kerajaan turut memperkasakan pengukuran kemiskinan negara dengan pengenalan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) sejak 2015. Pengenalan MPI menambah baik pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) digunakan sejak awal 1970-an.

Berbanding PGK, memerlukan penggabungan data lebih terperinci seperti

pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Penggunaan pengukuran terkini dapat mencerminkan keadaan sebenar dan seterusnya membantu negara menoktahkan kemiskinan.

Rentetan daripada isu ketirisan dan perlunya satu data lebih komprehensif serta dan dinamik dalam usaha menoktahkan kemiskinan, pengenalan Pangkalan Data Utama (PADU) adalah inisiatif penting diperkenalkan Kementerian Ekonomi bagi membantu kerajaan membasmi kemiskinan di negara ini.

PADU bantu laksana dasar bersasar

Sistem PADU bertujuan menghentikan ketirisan, sekali gus memastikan hanya mereka berhak dapat menikmati subsidi serta manfaat lain menerusi subsidi bersasar yang berkesan. Bagi golongan miskin tegar pula, pemberian subsidi ini membantu meringankan beban mereka dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup.

Pengenalan PADU membolehkan maklumat profil individu dikumpul menerusi pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber dan dikemas kini secara berkala.

PADU direka untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar secara bersasar dan memastikan tiada penduduk tercicir daripada menerima

bantuan atau inisiatif yang layak.

Selain itu, PADU juga sistem pangkalan digital selamat dan komprehensif, membantu dalam proses digitalisasi serta penghasilan analitik tepat. Ia adalah pangkalan data sosioekonomi menggabungkan maklumat pelbagai jabatan dan agensi kerajaan bertujuan mengelakkan keciciran dalam pengagihan bantuan serta subsidi kerajaan.

Agak berbeza dengan sistem pangkalan data sebelum ini, PADU memudahkan proses pengesahan data dan maklumat individu untuk pelbagai tujuan seperti bantuan kerajaan dan program sosioekonomi.

Bermula 2 Januari lalu, semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas digalakkan mendaftar dalam sistem PADU.

Selain itu, pengenalan PADU memberi kemudahan kepada individu boleh dibuat secara dalam talian atau manual menerusi kaunter disediakan. Keadaan ini memudahkan individu atau orang ramai memilih medium sesuai bagi mengemaskini data peribadi mereka.

Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat ini sangat signifikan kepada kerajaan dalam usaha merancang dan melaksanakan segala program berkaitan pembasmian kemiskinan.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 08 FEB 2024

2.4 juta kenderaan di lebuh raya bermula hari ini

um
8/2

KUALA LUMPUR: Sebanyak 2.4 juta kenderaan sehari dijangka akan menggunakan lebuh raya pada hari-hari puncak sempena perayaan Tahun Baharu Cina bermula hari ini.

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Ir. Szali Harun dalam satu kenyataan berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.5 juta kenderaan akan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan.

Manakala jelasnya, masing-masing 199,000, 106,000 dan 61,000 kenderaan dijangka akan menggunakan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK), Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 2.

"LLM menjangkakan akan berlaku peningkatan jumlah trafik yang menggunakan lebuh raya menuju ke arah Pantai Timur, utara dan selatan seawal hari Khamis 8 Februari 2024.

"Bagi mendepani pening-

katan trafik, LLM telah mengarahkan kesemua Syarikat Kongsesi Lebuh Raya untuk melakukan persediaan rapi agar perjalanan pengguna lebuh raya adalah selamat dan lancar sepanjang tempoh berkenaan," katanya.

Jelasnya, langkah-langkah tersebut termasuk, syarikat kongsesi lebuh raya tidak dibenarkan melaksanakan sebarang penutupan lorong kecuali bagi kes dan kerja kecemasan bermula pada 5 Februari 2024 hingga 14 Februari 2024.

Seterusnya, mengaktifkan laluan 'smart lane' di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti.

"Sentiasa memastikan pengoperasian lebuh raya dalam keadaan baik dan semua kemudahan dapat berfungsi sepanjang tempoh tersebut terutamanya di kawasan rehat dan rawat (RNR) serta hentian sebelah demi keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya," jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 08 FEB 2024

2.69 juta rakyat Malaysia sudah kemas kini PADU ^{um} 8/2

BACHOK: Seramai 2.69 juta rakyat negara ini sudah mengemas kini maklumat peribadi mereka dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sejak ia diperkenalkan oleh kerajaan 2 Januari lalu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, melihat kepada situasi itu, pihaknya yakin hasrat kerajaan untuk melihat seluruh rakyat negara ini mengemas kini PADU akan menjadi kenyataan sebelum tarikh akhir 31 Mac nanti.

Menurutnya, PADU sudah mempunyai 30 juta senarai nama dan maklumat rakyat negara ini yang dikumpulkan dari pelbagai agensi, namun memerlukan pengesahan serta kemas kini semula maklumat.

"Aspek keselamatan data adalah fokus utama kerajaan dan rakyat tidak perlu risau soal itu. Sebaliknya, mereka hanya perlu kemaskini maklumat seperti status perkahwinan dan pekerjaan semasa supaya kita dapat maklumat terkini yang tepat.

"Jabatan Perangkaan Ma-

laysia (DOSM) akan terus turun ke lapangan untuk membantu warga emas, Orang Asli dan penduduk kawasan pedalaman mengisi serta mengemas kini PADU," katanya ketika ditemui pada program lawatan di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Mahligai, di sini, semalam.

Mengulas mengenai keluhan Orang Asli berkait dengan PADU, Mohd. Uzir memberitahu, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pimpinan masyarakat terutama Tok Batin.

Katanya, DOSM akan menyediakan pasukan khas di semua pos penempatan Orang Asli bagi melancarkan kerja-kerja mengisi dan mengemas kini PADU.

"Pada masa sama, kita juga akan turun penjagaan orang tua bagi menjayakan usaha kerajaan. DOSM turun menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan pusat, negeri termasuk pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan pejabat wakil rakyat," ujarnya.



MOHD. Uzir Mahidin (kanan) memberi penerangan kepada pengunjung berkaitan kaedah pengisian data PADU di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Mahligai, Bachok, Kelantan, semalam.
- UTUSAN/TOREK SULONG.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...0..8...FEB...2024...

Indeks harga pengeluar perkhidmatan meningkat 1.0%

UM
8/2

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzari@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Indeks harga pengeluar perkhidmatan (IH-PRP) meningkat 1.0 peratus kepada 115.5 mata pada suku keempat 2023 berbanding 115.4 mata pada suku ketiga tahun sama.

IHPRP adalah untuk mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kebanyakan subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku tahun ini.

Katanya, subsektor kesenian, hiburan dan rekreasi meningkat sebanyak 5.5 peratus disumbangkan oleh peningkatan aktiviti perjudian dan pertaruhan (6.2 peratus).

"Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan kenaikan 3.4 peratus disebabkan oleh kenaikan dalam aktiviti perkhidmatan minuman (4.0 peratus) dan restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (3.8 peratus).

"Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan kenaikan adalah pendidikan (1.0 peratus), aktiviti hartanah (0.6 peratus), kesihatan (0.3 peratus) dan profesional (0.2 peratus).

"Namun begitu, indeks bagi pengangkutan mencatatkan penurunan negatif 0.5 peratus disebabkan oleh pengangkutan udara penumpang (-2.7 peratus). Sebaliknya, indeks maklumat dan komunikasi kekal tidak



KEBANYAKAN subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku tahun 2023.

berubah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat perlahan 0.1 peratus berbanding 0.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.

Menurutnya, kenaikan ini di-

sumbangkan oleh penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman (0.4 peratus), aktiviti hartanah (0.3 peratus) serta kesenian, hiburan dan rekreasi (0.3 peratus).

Pada masa yang sama, beliau berkata, kedua-dua subsektor pendidikan dan kesihatan juga

merekodkan kenaikan 0.1 peratus.

"Sementara itu, indeks profesional serta maklumat dan komunikasi kekal tidak berubah. Namun begitu, indeks pengangkutan mencatatkan penurunan perlahan negatif 0.1 peratus," ujarnya.

Mohd. Uzir merumuskan IHPRP meningkat 2.1 peratus pada 2023, adalah sama seperti tahun sebelum ini.

"Selain maklumat dan komunikasi yang kekal tiada selang perubahan, subsektor lain mencatatkan peningkatan pada 2023," jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:0.8.FEB.2024..

Industri dengan pendedahan tertinggi terhadap automasi dan augmentasi AI:

- 
1. Pasaran modal dan perkhidmatan kewangan.
 2. Pengurusan pencen dan insurans.
 3. Perkhidmatan teknologi dan maklumat.
 4. Telekomunikasi.
 5. Media dan penerbitan.
 6. Perkhidmatan pengurusan perniagaan dan rekabentuk penyelidikan.
 7. Perkhidmatan sewa, tempahan dan pajakan.
 8. Runcit, borong dan barangan pengguna.
 9. Organisasi tidak berasaskan keuntungan, badan profesional dan kesatuan.
 10. Hartanah.
 11. Seni, hiburan dan rekreasi.
 12. Minyak dan gas.
 13. Pembuatan elektronik.
 14. Perkhidmatan penjagaan diri, kesejahteraan dan pembaikan.
 15. Pendidikan dan latihan.
 16. Teknologi tenaga dan utiliti.
 17. Automotif dan aeroangkasa.
 18. Perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan.
 19. Penginapan, makanan dan perkhidmatan riadah.
 20. Pengurusan air dan sisa.

Sumber: *Jobs of Tomorrow: Large Language Models and Jobs* September 2023

AI ancam peluang pekerjaan manusia

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:0..8...FEB 2024

'Keep cops informed to curb house break-ins'

NSF 8/2

PETALING JAYA: Those returning to their hometowns for Chinese New Year are urged to keep the police informed at nearby stations or via the Volunteer Smart-phone Patrol (VSP 2.0) mobile application.

Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain said VSP 2.0 was a new initiative to curb house break-ins during the holiday season.

It is part of Op Selamat 21, which will be implemented nationwide from tomorrow until Feb 13.

Themed "Safe Homes, Safe Arrival", the campaign aims to minimise road accidents, ensure smooth traffic flow and preventing house break-ins.

"I advise homeowners to report their absence during Chinese New Year celebrations at nearby police stations or register with the new and user-friendly VSP 2.0 application.



Traffic police officers participating in the launch of Op Selamat Chinese New Year 21 in Butterworth yesterday. BERNAMA PIC

"The police will conduct patrols around buildings or premises that are reported to be unoccupied.

"Patrols will also be carried out in areas with potential for crime," he said during the launch of Op Selamat Chinese New Year 21 at Persada PLUS Subang here yesterday.

He called on motorists to be more responsible amid the high traffic flow during the festive season, and to avoid any un-

wanted accidents by adhering to traffic rules.

"About 72 per cent of fatal accidents involve motorcycles, while 10 per cent involve lorries. So far, the main cause of accidents is speeding."

He added that 18 hotspots and 46 black spots were targeted on all major highways throughout Op Selamat 21, while 407 hotspots and 76 black spots were identified in contingents and districts.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 08 FEB 2024

Toll waived for private vehicles on Feb 8, 9

NST 8/2

KUALA LUMPUR: The government will waive toll payments for private vehicles on Feb 8 and 9 for Chinese New Year.

Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the waiver, which would cost the government about RM42.99 million, was hoped to ease the burden of those returning to their hometowns.

"The toll exemptions will be implemented on all highways starting from 12.01 am on Feb 8 and will end at 11.59pm on Feb 9.

"Toll exemptions will soon be extended to private vehicles at numerous toll plazas, with exceptions made for those situated at international borders, such as the Sultan Iskandar Building and the Tanjung Kupang Toll Plaza in Johor," he said yesterday.

With the exemptions, he also urged road users to plan their travels accordingly and adhere to the recommended time travel advisory.

"Safety aspects and safe driving practices must also be taken into

account to ensure that all users reach their destinations safely, making the celebration of Chinese New Year more meaningful with their loved ones.

"Users are also advised to take sufficient breaks and ensure that their Touch 'n Go card balances and eWallets are sufficient."

Road users can check the traffic

status through the Malaysian Highway Authority's social media platforms and contact them at 1-800-88-7752 for the latest traffic information or assistance.

 **...with exceptions made for those situated at international borders, such as the Sultan Iskandar Building and the Tanjung Kupang Toll Plaza in Johor**

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 08 FEB 2024

Empowering MACC to fight corruption

THE Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has been in the spotlight recently for its investigations into high-profile figures, including VIPs. Critics can no longer claim that the MACC only targets minor offenders while letting major ones off the hook.

The remarkable thing is that the MACC now has the freedom to investigate and take decisive action, unshackled by external influences, despite claims of selective persecution by detractors.

Under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's leadership, the government has granted full autonomy to the MACC and its chief commissioner, Tan Sri Azam Baki, enabling them to intensify efforts in apprehending corrupt individuals. This includes reopening longstanding cases, some dating back decades, related to crimes against the nation's wealth.

In recent weeks, Malaysians have been informed of the MACC's investigations into prominent figures. These inquiries are part of the MACC's ongoing investigation since August 2022, including all individuals and entities mentioned in the Pandora Papers and the Panama Papers.

Azam has been reported as saying that the MACC's focus will not end with these personalities, adding that many more individuals are under its radar.

It should be noted that MACC's decision to investigate old cases and reopen old files is not unique. This has been done elsewhere, even in first-world countries.

In the US, the Federal Bureau of Investigation (FBI) reopened several old criminal and corruption cases, including against notable figures. For example, in 2016, the FBI reopened an investigation into Hillary Clinton's use of a private email server while she was secretary of state.

In 2020, the FBI arrested Ghislaine Maxwell, a former associate of Jeffrey Epstein, on charges related to his alleged sex trafficking ring between 2002 and 2005.

In the UK, the Serious Fraud Office, tasked with handling serious and complex fraud, bribery and corruption cases, reopened several high-profile investigations. This includes the probe into the alleged bribery of officials by Rolls-Royce, culminating in the company's record £671 million (RM3.85 billion) settlement in 2017.

"The benefits of having an independent and effective anti-corruption agency cannot be overstated. Corruption has been a major obstacle to Malaysia's growth and development."

Similarly, in September 2023, British police opened a sex crimes investigation into comedian Russell Brand. The investigation was prompted by news reports and complaints about Brand. The allegations include sexual assault and rape between 2006 and 2013.

Earlier, in October 2012, the British police launched a criminal investigation into historic allegations of child sex abuse by popular media personality Jimmy Savile over four decades. The investigation revealed that Savile had committed 214 criminal offences between 1955 and 2009. Although Savile died in 2011, the investigation led to sexual abuse convictions for multiple celebrity personalities.

In France, the National Financial Prosecutor's Office reopened an investigation in 2020 into former President Nicolas Sarkozy's alleged involvement in illegal campaign financing during the 2007 election.

Meanwhile, in Germany, the Federal Criminal Police Office initiated an investigation in 2020 into a corruption scandal involving German carmaker Volkswagen, which had been ongoing since 2015.

As such, the timing of the investigations into corrupt practices or criminal activities does not matter, and there can be various reasons why such investigations were not conducted earlier.

In the Malaysian context, the answer

for this is quite obvious - political interference, and perhaps a lack of resources. These cases may have been stalled or buried due to their sensitive nature.

In other cases, the complexity of the cases and the need for new evidence have been factors. However, the MACC is now ramping up its efforts to correct the situation by clearing these old cases.

The benefits of having an independent and effective anti-corruption agency cannot be overstated. Corruption has been a major obstacle to Malaysia's growth and development, and it is reassuring to see that steps are being taken to address the issue.

We hope the MACC will lead the way in the fight against corruption in Malaysia without fear or favour.

Efforts to bolster the independence of the MACC, for example, ensuring the security of tenure for the chief commissioner's position and having its own Service Commission rather than relying on the Public Service Commission, will ensure its freedom in years to come.

Their freedom to investigate and take action is a positive development for the country.

*The writer is a retired media practitioner who has worked as a media liaison person for a politician in the 1990s.
Comments: letters@thesundail.com*



THE SUN
08 FEB 2024
Tarikh:

Boost English proficiency for nation's global competitiveness THE SUN 8/2

LETTERS

letters@thesundaily.com

THE Parent Action Group for Education Malaysia has rightly criticised the Education Ministry's decision to abolish Dual Language Programme classes to address poor Bahasa Malaysia (BM) proficiency.

There must be a rational and balanced

approach between the usage of BM and promoting English as a universal language. This is not a zero-sum game.

Elevating English will not diminish the importance of our national language, rather it will enhance our economic and social standing globally.

English is the international language of commerce, science, technology and the internet, with approximately 1.5 billion speakers worldwide, of which less than 400 million use it

as their first language. Therefore, its significance as a secondary language holds relevance for Malaysia, where BM is the national language. The reputable English Proficiency Index underscores the connection between English proficiency, innovation and wealth, aligning with our nation's aspirations to become a high-income country.

Countries with stronger English proficiency tend to enjoy higher income levels, increased innovation and improved quality of life.

Singapore's remarkable economic success can largely be attributed to its workforce's proficiency in English.

Consequently, addressing our country's deficiency in English language skills requires urgent public policy intervention if we are serious about achieving high-income developed status in an increasingly competitive global landscape.

Steve Ngeow Sze Loong
Kajang

THE SUN

Tarikh: 08 FEB 2024

Stadium demolition to be done by 2025

THE SUN 8/2

SHAH ALAM: Demolition of the Shah Alam Stadium will begin with installation of hoarding walls, followed by dismantling the structure, to be completed by mid-2025.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said in a statement he has emphasised to the parties involved that the development of the Shah Alam Stadium must meet all the standards set by the government and local authorities.

"(The development of the project) is also a model that uses the best methods in infrastructure development, especially on such a scale. All mitigation measures to deal with the impact of development will be communicated by the developer to the local community so that this process runs smoothly."

Amirudin said a critical step had been taken when he witnessed the signing of a memorandum of understanding between MBI Inc Selangor with developer Malaysian Resources Corporation Berhad on Tuesday, thus marking the start of physical works after going through the planning process and thorough procedures. - Bernama

THE SUN
08 FEB 2024

Tarikh: